

Headline	FRIM Bumi Armada meterai perjanjian pulihara karbon		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	51	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,982
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,946



## FRIM, Bumi Armada meterai perjanjian pulihara karbon

**KUALA LUMPUR** - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Bumi Armada Bhd. (Bumi Armada) menandatangani perjanjian untuk melaksanakan program ofset pemuliharaan karbon pertama di Malaysia.

Program ini akan melibatkan pemuliharaan karbon yang disimpan di Field 11, kawasan hutan seluas 5.6 hektar di kawasan kampus FRIM dekat sini.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, Field 11 berkemampuan menyimpan 3,938.6 tan karbon dioksida setahun, manakala sumbangan Bumi Armada sebanyak RM107,000 akan meliputi kredit karbon daripada pemuliharaan tapak projek di hutan berkenaan untuk tempoh lima tahun.

Menurutnya, ofset karbon membolehkan individu, syarikat dan negara mengurangkan pengeluaran karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) masing-masing dengan mengimbangi, mengurangkan atau mengalih CO<sub>2</sub> ke tempat lain.

“Pengurangan CO<sub>2</sub> merupakan langkah penting dalam usaha mengurangkan potensi kesan buruk akibat perubahan iklim yang dihadapi masyarakat dunia sekarang.

“Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> dan menangani perubahan

iklim,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian antara FRIM dengan Bumi Armada di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Bumi Armada, Hassan Basma serta Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, Nancy Shukri.

Selain itu, Abd. Latif menerangkan ofset karbon itu juga meliputi tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan projek perhutanan semula.

“Bagaimanapun, pengiktirafan global sekarang semakin meningkat tentang pentingnya pemuliharaan dan pengurusan hutan secara lestari bagi mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub>,” katanya.

Sementara itu, Hassan menjelaskan, Bumi Armada bangga kerana berpeluang memainkan peranan untuk melindungi warisan alam semula jadi dan menjadi syarikat pertama yang menyokong projek pemuliharaan karbon ofset.

“Walaupun kami percaya 3,938.6 tan karbon itu hanya merupakan peratusan kecil daripada jumlah karbon yang dihasilkan, apa yang penting ialah penajaan ini akan menjadi pemangkin dalam pengurusan karbon di Malaysia,” katanya.



ABD. LATIF (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Hassan sambil diperhatikan oleh Nancy (tengah) di Kuala Lumpur semalam.